

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
(BUKIT GANTANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan di manakah KWSP melabur untuk memastikan masa depan pekerja terjamin terutama selepas pencen.

JAWAPAN

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengamalkan dasar pelaburan sejajar dengan peruntukan Seksyen 26 Akta KWSP 1991 sebagai langkah bagi menjamin caruman ahli KWSP. Strategi pelaburan KWSP adalah berteraskan kepada Alokasi Aset Strategik di mana peruntukan alokasi aset adalah berdasarkan perancangan pelaburan jangka panjang selaras dengan objektif pelaburannya iaitu melindungi dan

memberi nilai tambah kepada wang simpanan ahli.

2. Selaras dengan objektif pelaburan jangka panjang KWSP, komposisi aset pelaburan KWSP bercirikan risiko yang rendah dengan pendedahan yang tinggi kepada instrumen berpendapatan tetap bagi menjana pulangan yang stabil. Setakat Disember 2014, 51 peratus (51%) daripada jumlah nilai pelaburan KWSP adalah di dalam pelaburan instrumen berpendapatan tetap yang merangkumi pembiayaan pinjaman dan langganan bon yang diterbitkan oleh kerajaan, agensi kerajaan dan badan-badan korporat dalam dan luar negara .

3. Mengambil kira kadar faedah semasa yang rendah bagi pasaran dalam dan luar negara, KWSP terus melakukan pendiversifikasian portfolio dengan mempertingkatkan pendedahan ke dalam kelas aset yang lain seperti Ekuiti, Hartanah dan Infrastruktur di peringkat domestik mahupun global dalam julat yang dibenarkan bagi mengoptimalkan pulangan pada julat risiko yang berpatutan. KWSP sentiasa mencari peluang melabur dalam aset yang matang, berkualiti, berkadar pulangan tinggi serta mampu menjana pendapatan yang stabil bagi diagihkan sebagai dividen

tahunan kepada ahli.

4. Pelaburan KWSP juga meliputi pelbagai sektor dan industri yang tidak bercanggah dengan polisi pelaburan mandat beretika yang diamalkan KWSP. Ini bermakna KWSP tidak melaburkan dananya di dalam sektor-sektor yang jelas tidak beretika seperti sektor perjudian, arak, pelaburan yang mempunyai pendedahan dan kepentingan dalam negara-negara yang tiada hubungan diplomasi dengan Malaysia seperti Israel dan sektor pembuatan dan penjualan senjata untuk peperangan.